

21 FEB 1996

Mahathir-Thailand

KL SANGGUP BINCANG DENGAN BANGKOK MENGENAI ISU SEMPADAN

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Malaysia sanggup mengadakan perbincangan melalui saluran diplomatik dengan Thailand untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul berikutan pembinaan tembok di sempadan kedua-dua negara itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, perbincangan antara Kuala Lumpur dan Bangkok itu dapat menentukan sama ada wujud sebarang masalah dalam pembinaan tembok itu oleh Malaysia di sempadan Perlis dan Wilayah Satun di selatan Thailand.

Bercakap kepada pemberita di majlis rumah terbuka hari kedua beliau di kediamannya "Sri Perdana" di sini sempena Aidil Fitri, beliau bagaimanapun berpendapat isu itu mungkin akan disalah faham jika kedua-dua negara berbincang melalui media.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai kenyataan Menteri Luar Thailand Kasem S. Kasemsri dalam beberapa akhbar Thailand minggu lepas yang mendakwa pembinaan tembok itu "tidak munasabah".

Kasem berkata, pembinaan tembok seperti itu adalah tidak baik kerana ia menunjukkan "negara yang membinanya tidak tidak mahu menjalin hubungan mesra dengan jiran-jirannya".

Menteri Luar itu juga berkata Mahkamah Keadilan Antarabangsa boleh diminta membuat keputusan mengenai tindakan Malaysia membina tembok itu jika tiada persetujuan dicapai dalam rundingan antara Bangkok dan Kuala Lumpur.

Kasem yang membuat perbandingan "Tembok Malaysia" dengan Tembok Besar China dan Tembok Berlin berkata, Thailand hanya akan membawa perkara itu ke Mahkamah Dunia selepas Jawatankuasa Penimbangtaraan "mengkaji konflik" itu.

Beliau berkata tembok itu tidak akan menghalang pengedaran dadah ataupun penyeludupan di sepanjang sempadan seperti yang dikatakan oleh pihak berkuasa Malaysia.

Bagaimanapun, Kasem yakin perbincangan antara kedua-dua negara akan berjaya mengatasi kebuntuan dan perkara itu besar kemungkinan tidak akan dibangkitkan semasa Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di Bangkok pada 1 dan 2 Mac.

Seorang anggota Parlimen pembangkang Thai, Supat Thammapetch juga mendakwa garis sempadan yang dibuat oleh Malaysia bagi temboknya mungkin menjejaskan wilayah Thai dan jika tiada penyelesaian dicapai Thailand "mungkin kehilangan banyak pulau-pulau", tetapi ini dinafikan oleh Kementerian Luar Thailand.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan meneruskan pembinaan tembok itu, Perdana Menteri mengulangi Malaysia akan berbincang dengan Thailand mengenai perkara itu. "Tak jadi masalah," kata Dr Mahathir. --BERNAMA

ES PR

Sementara itu di KANGAR, sekumpulan lagi pegawai kanan Thailand hari ini meninjau sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand di Bukit Puteh dekat sini iaitu dua hari selepas Timbalan Perdana Menteri Thailand, Jeneral Chavalit Yongchaiyudh melawat tempat itu.

Mereka yang terdiri daripada 21 anggota jawatankuasa ketenteraan Parlimen Thailand mengambil masa kira-kira 45 minit meninjau pembinaan tembok sempadan oleh pihak Malaysia.

Kumpulan berkenaan yang diketuai oleh pengerusi jawatankuasa itu, Jeneral Sirithiwapan tiba dengan tiga buah helikopter yang mendarat kira-kira 500 meter daripada tembok sempadan yang sedang dibina itu.

Mereka juga melihat batu tanda sempadan antarabangsa yang terdapat di pinggir kolam udang yang diusahakan oleh rakyat Thailand di kawasan itu.

Turut serta dalam lawatan singkat di kawasan pinggir laut itu ialah Gabenor wilayah Satun, Anucha Mekkaweat.

Lawatan itu menunjukkan isu tembok sempadan antarabangsa itu mungkin menjadi antara isu hangat yang bakal dibahaskan pada penggal persidangan Parlimen Thailand yang dijangka berlangsung bulan depan.

Beberapa pegawai Malaysia turut kelihatan berada di sempadan antarabangsa itu semasa lawatan berkenaan termasuk anggota-anggota polis.

Pada 19 Februari lalu, ketika rakyat negara ini merayakan Tahun Baru Cina, Timbalan Perdana Menteri Thailand yang mengetuai sekumpulan pegawai kanan tentera dan polis tiba dengan 13 buah helikopter di tempat itu.

Bagaimanapun, Chavalit dilaporkan berpuas hati terhadap kerja-kerja pembinaan tembok sempadan antarabangsa dan menyifatkan isu yang pernah dibangkitkan sebelum ini telah selesai.

Sebelum ini ada pihak yang menghalang kerja-kerja pembinaan tembok sempadan antarabangsa itu dengan alasan ia tidak selari dengan garis sempadan antarabangsa yang sebenar.

Pihak Malaysia bagaimanapun telah bertegas bahawa pembinaan itu tidak melanggar garis sempadan Thailand dan kerja-kerja pembinaannya tidak harus dihalang oleh mana-mana pihak.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim baru-baru ini menegaskan bahawa tembok sempadan setinggi 2.4 meter dan selebar 1.8 meter itu adalah sebahagian daripada rancangan pembinaan tembok sempadan antarabangsa sepanjang 27 kilometer dari Sintok (Kedah) ke Bukit Puteh (Perlis).

Tembok berharga RM54.6 juta itu mula dibina pada 1994 dan kini 46 peratus siap.

Bername difahamkan bahawa sekumpulan pegawai atasan Kementerian Luar Thailand akan membuat tinjauan di kawasan pembinaan tembok sempadan antarabangsa itu esok. -- BERNAMA

AD PR